

# Lubang tinggalan projek banjir menanti mangsa

1003ms 11/9.

Oleh NURULANUAR MANSOR  
nurulanuar@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Projek pembangunan bertujuan untuk faedah rakyat tetapi jika tidak diurus dengan sempurna, masalah lain pula timbul.

Itulah yang berlaku di hadapan Hentian Bas RapidKL, Stesen LRT Taman Maluri di mana lubang tinggal sedalam lima meter (15 kaki) di situ beberapa kali hampir mencederakan orang ramai.

Saiz lubang yang kian meluas itu asalnya hanya 1.6 meter lebar serta lima meter panjang dipercayai sebahagian daripada projek tebatan banjir di kawasan tersebut, namun, *KOSMO!* telah diberitahu ia terbiar sejak Mei lalu.

Menurut peniaga, Mohd. Aimijar Zali, 36, ketiadaan pagar dan tanda amaran di situ menyebabkan pengguna Jalan Cheras menyangka ia boleh dilalui.

"Sudah dua kali dalam tempoh dua bulan motosikal terbabas ke dalam lubang itu sebab penunggangnya tidak tahu ada lubang.

"Kami (peniaga di situ) terpaksa halang laluan ini dengan besi supaya tiada lagi yang terbabas," katanya.

Menurut Pembantu Akaun, Chong Siow Ling, 23, keadaan lebih berbahaya bila hujan dan banjir berlaku bila pejalan kaki menggunakan laluan tersebut untuk mengelak hujan dan lecah.

"Bulan Jun lepas ada seorang pejalan kaki jatuh kerana tidak nampak lubang yang ditenggelami banjir itu, kejadian yang sama juga hampir berlaku hujung Julai lalu," jelasnya.

Eksekutif Teknologi Maklumat, Devan Subemara, 26, yang menggunakan laluan tersebut setiap hari pula memaklumkan kepada *KOSMO!* kawasan tersebut seharusnya dipagar dan diletakkan tanda amaran.

"Lubang ini sepatutnya berpagar sempurna, tambahan lagi ia di kawasan laluan pejalan dan kenderaan.

"Lihat sahaja kedalaman dan keadaan lubang itu, jika langkah pencegahan tidak diambil pasti satu hari nanti ada yang akan menemui ajal di situ," katanya.



BEGINILAH besarnya lubang di Jalan Cheras yang terbiar tanpa papan tanda amaran serta pagar.